

# MAJLIS PENUTUP BULAN ANTI DADAH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2719-majlis-penutup-bulan-anti-dadah](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2719-majlis-penutup-bulan-anti-dadah)

GONG KEDAK, 24 Nov 17 - Majlis perasmian penutup Bulan Anti Dadah Pangkalan Udara Gong Kedak telah diadakan di Dewan Serbaguna pangkalan. Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM telah menyempurnakan majlis tersebut. Turut hadir pada majlis tersebut ialah isteri Komander Pangkalan, Datin Noor Suriati binti Mohd Suri selaku Pengerusi BAKAT Pangkalan, Eksekutif-eksekutif, Pegawai-pegawai, anggota dan Ahli BAKAT pangkalan.

Di majlis tersebut, turut diadakan ceramah anti dadah yang disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Agensi Dadah Kebangsaan Cawangan Kelantan bagi memberi kesedaran kepada anggota tentang kesan negatif penggunaan dadah. Majlis diakhiri dengan acara penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan melukis poster dan esei.



